
Keluaran Potensi Ekonomi Malaysia

Keluaran potensi ialah anggaran paras tertinggi keluaran yang dapat dihasilkan oleh sesebuah ekonomi dalam persekitaran tanpa tekanan inflasi. Keluaran potensi menunjukkan kadar pertumbuhan mampan yang dapat dicapai oleh sesebuah ekonomi sejajar dengan input yang tersedia untuk digunakan dalam pengeluaran, iaitu modal, tenaga kerja dan teknologi. Apabila keluaran sebenar melebihi keluaran potensi, penggunaan input produktif adalah tinggi dan tekanan inflasi berkemungkinan meningkat. Sebaliknya, tekanan inflasi lazimnya menurun apabila keluaran sebenar di bawah paras keluaran potensi.

Rajah 1

KDNK Sebenar dan Potensi



r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Anggaran terkini[1] menunjukkan bahawa pertumbuhan keluaran potensi Malaysia meningkat daripada julat 4.5-5.0% pada tahun 2011 kepada 5.0-5.5% pada masa ini. Pertumbuhan yang kukuh dalam pelaburan swasta dan awam pada tahun 2012 menyumbang kepada kadar pengumpulan modal yang tinggi, seterusnya meningkatkan lagi keluaran potensi disebabkan oleh peningkatan dalam kapasiti produktif ekonomi. Keadaan tenaga kerja turut bertambah baik apabila jumlah tenaga kerja meningkat pada kadar yang lebih pantas iaitu 3.5% pada tahun 2012 (2011: 3.0%). Jurang keluaran, yang menggambarkan perbezaan antara keluaran sebenar dengan keluaran potensi, kekal hampir pada paras sifar. Ini menunjukkan bahawa ekonomi negara tidak mengalami tekanan harga yang tinggi, selaras dengan inflasi yang stabil pada kadar 1.6% yang dicatat pada tahun tersebut.

Pada tahun 2013, keluaran potensi diunjurkan terus meningkat dalam julat 5.0-5.5%, dengan jurang keluaran pula kekal kecil. Pertumbuhan keluaran potensi dijangka didorong oleh jumlah tenaga kerja yang semakin meningkat serta pengembangan dalam stok modal, lantaran pertumbuhan yang mampan dalam pelaburan swasta.

1 Pembaca yang berminat boleh merujuk nota teknikal yang bertajuk "Keluaran Potensi dan Jurang Keluaran di Malaysia" dalam Buletin Suku Tahunan BNM S2 2012 (m.s. 18-25) untuk huraian lanjut penggunaan metodologi dalam anggaran keluaran potensi.